



Pelaksanaan Prosedur Rayuan Mal di Mahkamah Syariah Di Malaysia

Implementation of Civil Appeal Procedures in the Syariah Courts in Malaysia

**Islamic Law
& Society**

71

MOHD AFIZUL HAKIM IBAKARIM

(Corresponding Author)

Pegawai Syariah

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

Bangunan Mahkamah Syariah Johor

80100 Johor Bahru, Johor, Malaysia

afizulhakim@gmail.com

Submitted date: 18 January 2026

Revised date: 21 April 2026

Acceptance date: 28 April 2026

Available online: 30 April 2026

SYAIFUL FADZLI MOHD FOZI

MOHD FAIRUZ ABD AZIZ

Akademi Tamadun Islam

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Teknologi Malaysia

81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia

syaifulfadzli@graduate.utm.my

fairuz-83@graduate.utm.my

SYAZWAN MOHD YUSOF

Fakulti Undang-Undang

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600, UKM Bangi, Selangor, Malaysia

wan84syarielawyer@gmail.com

ABSTRAK

Pelaksanaan prosedur rayuan di mahkamah syariah merupakan satu bentuk proses untuk mengemukakan rayuan. Pelaksanaannya sesuai dilaksanakan terhadap pihak yang terkilan dengan keputusan mahkamah. Walau bagaimanapun, ketidakfahaman pengamal undang-undang syariah atau masyarakat Islam dalam melaksanakan proses rayuan di mahkamah syariah pada masa kini akan menyebabkan prosedur rayuan tidak dapat dipraktikkan secara optimum sebagaimana kehendak undang-undang dan hal ini menyebabkan isu ketakteraturan prosiding rayuan di mahkamah syariah di Malaysia masih berterusan. Justeru, artikel ini akan menjelaskan pelaksanaan prosedur rayuan di mahkamah syariah sebagaimana yang diperuntukan dalam undang-undang. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bersifat perundangan tulen dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Kajian menunjukkan pelaksanaan





prosedur rayuan boleh dilihat dalam Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah dan Arahan Amalan. Namun, kedua-dua dokumen tersebut saling melengkapi antara satu sama lain dan memerlukan kepada beberapa penambahbaikan kepada undang-undang yang sedia ada. Justeru, artikel ini penting untuk menjadi panduan kepada pengamal undang-undang syariah atau masyarakat Islam di Malaysia dalam melaksanakan rayuan di mahkamah syariah dengan lebih tersusun dan sistematik.

Kata Kunci; Rayuan, Pelaksanaan, Prosedur, Tatacara, Undang-Undang, Mahkamah Syariah.

ABSTRACT

The implementation of appeal procedures in the Syariah Courts constitutes a formal process for the submission of appeals and is appropriately applicable to parties who are aggrieved by court decisions. Nevertheless, a lack of understanding among Syariah legal practitioners or the Muslim community regarding the execution of the appeal process in the Syariah Courts at present may result in appeal procedures not being practised optimally in accordance with legal requirements. This situation has contributed to the continued issue of procedural irregularities in appeal proceedings within the Syariah Courts in Malaysia. Accordingly, this article aims to explain the implementation of appeal procedures in the Syariah Courts as provided for under the law. The study adopts a qualitative approach grounded in pure legal research, employing the method of content analysis. The findings indicate that the implementation of appeal procedures can be identified in two legal instruments, namely the Syariah Court Civil Procedure Enactments and the Practice Directions. However, both legal instruments are complementary in nature and require several improvements to the existing legal framework. Therefore, this article is significant as a guide for Syariah legal practitioners and the Muslim community in Malaysia in implementing the appeal system in the Syariah Courts in a more organised and systematic manner.

Keywords: Appeal, Implementation, Procedure, Procedural Rules, Law, Syariah Court.

PENDAHULUAN

Keputusan sesuatu kes di mahkamah merupakan penyelesaian kepada sesuatu pertikaian yang dikemukakan oleh pihak-pihak kepada mahkamah. Sesuatu keputusan yang diputuskan oleh mahkamah hendaklah dilaksanakan oleh pihak-pihak sebagaimana yang diperintahkan, dimana sesuatu keputusan mahkamah itu bersifat pemutus terhadap sesuatu pertikaian yang berlaku di antara pihak-pihak. Menurut Siti Zubaidah (2016), keputusan yang diputuskan oleh mahkamah bicara hanya akan menjadi muktamad sekiranya tiada rayuan dikemukakan dalam tempoh masa yang dibenarkan. Walau bagaimanapun, terdapat sesuatu keadaan ketika pertikaian pihak-pihak berterusan walaupun keputusan telah dikeluarkan oleh mahkamah. Oleh itu, keadaan boleh berlaku di mana salah satu pihak atau kedua-dua pihak tidak berpuas hati dengan keputusan yang diputuskan oleh mahkamah. Pihak-pihak yang tidak berpuas hati mempunyai hak untuk merayu di sisi undang-undang di mana mahkamah yang lebih tinggi akan memutuskan rayuan yang dikemukakan (Mohd Nadzri, 2010).



Dalam pada itu, pihak-pihak yang tidak berpuas hati boleh memfailkan rayuan terhadap keputusan yang diputuskan oleh mahkamah. Dalam memfailkan rayuan, pihak yang tidak berpuas hati hendaklah melalui proses rayuan yang telah ditetapkan. Kemahiran dalam proses rayuan ini merupakan perkara yang sangat penting kerana sesuatu keadilan itu bukan dinilai melalui keputusan yang dikeluarkan oleh mahkamah, malah mencakupi perjalanan sesuatu prosiding kes tersebut.

Kajian terdahulu membincangkan tentang prosedur rayuan di mahkamah syariah (Ahmad Ibrahim, 1997; Busro Bahari, 1996; Intan Juliana Razali, 2001; Azmee & Wan Abdul Fatah, 2013) dan tatacara rayuan di mahkamah syariah yang bersandarkan kepada enakmen tatacara dan arahan amalan mahkamah syariah (Nadzri, 2010 & 2020). Penulisan Abdul Hamid Mohamad (2017) telah mengupas tentang pemakaian nota perbicaraan dan rayuan sebagaimana yang diamalkan di mahkamah sivil dalam menimbang mana yang sesuai untuk diikuti oleh mahkamah syariah. Selain itu, penulisan Syahrulnizam (2020) yang menjelaskan tentang permohonan melanjutkan tempoh rayuan hanya memfokuskan kajian kepada bidang kuasa rayuan, prinsip dan faktor pertimbangan yang diamalkan di mahkamah syariah di dalam mendengar dan memutuskan permohonan melanjutkan tempoh rayuan. Oleh itu, kajian terdahulu tidak menjelaskan secara terperinci tentang bagaimana proses pelaksanaan prosedur rayuan yang diamalkan di mahkamah syariah yang dimulai dengan memfailkan notis rayuan sehingga keputusan rayuan diputuskan dan hanya memfokuskan kepada prosedur rayuan secara umum dan mengkhususkan kepada salah satu prosedur rayuan.

Justeru itu, artikel ini akan mengupas kelompangan tersebut dengan menjelaskan pelaksanaan prosedur rayuan di mahkamah syariah secara terperinci dengan merujuk kepada setiap prosedur yang terdapat di dalam Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003 dan Arahan Amalan yang dikeluarkan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Oleh itu, penulisan ini diharap dapat memberi panduan kepada pengamal undang-undang khususnya pengamal undang-undang syariah atau orang awam tentang bagaimana pelaksanaan prosedur rayuan di mahkamah syariah yang sebenarnya. Kebanyakan pengamal undang-undang syariah atau orang awam yang berhasrat menguruskan proses rayuan di mahkamah syariah hanya merujuk kepada salah satu undang-undang iaitu Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah yang boleh menimbulkan kekeliruan dalam menguruskan sesuatu proses rayuan di mahkamah syariah. Sehubungan dengan itu, artikel ini membincangkan proses pelaksanaan rayuan di mahkamah syariah dan rujukan kepada para pengamal undang-undang syariah atau orang awam.

METODOLOGI

Artikel ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kajian kualitatif. Reka bentuk atikel ini adalah perundangan tulen dengan menjelaskan pelaksanaan prosedur rayuan di mahkamah syariah. Artikel ini mengguna pakai instrumen kajian perpustakaan dan dokumentasi bagi memperolehi data yang diperlukan. Sumber utama kepada dapatan mengenai penulisan ini ialah menerusi Enakmen Tatacara Mal Mahkamah



Syariah (Negeri Johor) 2002 dan Arahan Amalan yang dikeluarkan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Negeri-Negeri. Dokumentasi juga dilakukan dengan membuat penelitian terhadap sumber sekunder lain seperti tesis, teks undang-undang dan jurnal yang berkaitan dengan tajuk kajian. Data diolah dan dianalisis berdasarkan pendekatan analisis kandungan sesuai dengan skop dan tema artikel ini.

HASIL DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Rayuan merupakan salah satu prosedur undang-undang untuk memberi peluang kepada pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah rendah untuk merayu kepada mahkamah yang lebih tinggi. Perlu diperjelaskan bahawa Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia bukanlah sebahagian daripada Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah, sebaliknya berperanan sebagai instrumen pentadbiran bagi memperincikan dan menyeragamkan pelaksanaan prosedur rayuan yang telah diperuntukkan dalam enakmen tersebut. Walaupun setiap negeri mempunyai Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah mereka sendiri, namun prosedur dan pelaksanaannya hampir sama dengan negeri lain. Dalam melaksanakan prosedur rayuan di mahkamah syariah, perayu atau wakilnya perlu melalui suatu proses tatacara rayuan yang telah ditetapkan oleh undang-undang supaya tidak berlaku ketakteraturan yang boleh menyebabkan prosiding rayuan ditolak oleh mahkamah.

Penelitian terhadap tindakan awal perayu sebelum pemfailan notis rayuan di Mahkamah Syariah adalah signifikan bagi memastikan pematuhan terhadap kehendak prosedur yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Sebelum memfailkan notis rayuan, perayu atau Peguam Syarie perayu perlu memastikan lima perkara asas dipenuhi, iaitu yang pertama; sama ada perayu mempunyai *locus standi* untuk memfailkan rayuan di mahkamah syariah. Kedua; sama ada bidang kuasa memfailkan notis rayuan itu boleh difailkan di Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah. Ketiga; sama ada perintah mahkamah yang dipertikaikan itu boleh dirayu atau tidak. Keempat; sama ada tempoh masa untuk memfailkan notis rayuan itu dalam tempoh waktu empat belas (14) hari dari tarikh keputusan diumumkan itu dipatuhi atau tidak. Kelima; sama ada tindakan pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah itu perlu melalui proses pelaksanaan semakan atau rayuan (Muhammad Khairul Nizam, 2022). Penulis tidak mengupas secara terperinci kelima-lima tindakan tersebut, namun penulis memfokuskan kepada tindakan yang terakhir iaitu proses pelaksanaan rayuan di mahkamah syariah. Kes-kes yang sesuai dengan rayuan adalah kes yang telah mempunyai keputusan pada peringkat akhir kes. Dalam mengupas isu yang berkaitan proses pelaksanaan prosedur rayuan di mahkamah syariah ini, penulis akan menganalisis pelaksanaan prosedur rayuan berdasarkan kepada Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003 dan Arahan Amalan.



Peruntukan Prosedur Rayuan di Mahkamah Syariah

Prosedur rayuan di mahkamah syariah di Malaysia masih belum dipinda sebagaimana prosedur rayuan di mahkamah sivil. Peruntukan prosedur rayuan di mahkamah syariah ada disebut di dalam Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003 sebagaimana yang dinyatakan di Bahagian 17. Dalam bahagian tersebut, terdapat lapan seksyen berkaitan prosedur rayuan sebagaimana jadual berikut:

Jadual 1: Peruntukan Seksyen Berkaitan Tatacara Rayuan yang Terdapat di Dalam Bahagian Ke 17 (XVII) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003.

Seksyen	Prosedur	Seksyen	Prosedur
139	Notis Rayuan	143	Rekod Rayuan Jika Perayu Tidak Diwakili Atau Merayu Sebagai Orang Miskin
140	Notis Rayuan Balas	144	Penggantungan Pelaksanaan Sementara Menanti Rayuan
141	Alasan Rayuan	145	Penghakiman Hendaklah Menyatakan Alasan
142	Rekod Rayuan Jika Perayu Diwakili	146	Pelaksanaan Penghakiman Atas Rayuan

(Sumber: Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Johor), 2003)

Berdasarkan kepada jadual di atas, peruntukan tersebut menerangkan bagaimana prosedur rayuan di mahkamah syariah yang dimulai dengan pemfailan notis rayuan oleh perayu dan pemfailan notis rayuan balas oleh pihak responden sekiranya perlu. Setelah itu, perayu akan membuat alasan rayuan dan memasukkan ke dalam rekod rayuan untuk diserahkan ke mahkamah yang mendengar rayuan dan responden. Kemudian, mahkamah yang mendengar rayuan akan membuat keputusan rayuan dengan menyatakan alasan penghakiman dan mahkamah yang menyebabkan keputusan itu dirayu perlu melaksanakan keputusan rayuan sebagaimana yang diputuskan oleh mahkamah yang mendengar rayuan.

Tatacara Prosiding Rayuan Mal Di Mahkamah Syariah

Dalam memulakan sesuatu prosiding rayuan di mahkamah syariah, pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah boleh memfailkan rayuan di mahkamah yang mendengar rayuan. Mana-mana keputusan mahkamah yang hendak dirayu, perlu mengikut susunan hirarki mahkamah dengan mengemukakan rayuan ke mahkamah yang lebih tinggi atau mahkamah atasan (Mohd Nadzri, 2010). Seksyen 139 (1) menyebut bahawa sesuatu keputusan yang diputuskan oleh Mahkamah Rendah



Syariah perlu didengar rayuannya di Mahkamah Tinggi Syariah dan keputusan yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah perlu didengar rayuannya di Mahkamah Rayuan Syariah. Dalam konteks mahkamah syariah di Malaysia, terdapat dua cara untuk memfailkan rayuan sekiranya seseorang itu tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah iaitu merayu dengan melalui Peguam Syarie atau merayu mewakili diri sendiri (Mohd Nadzri, 2010). Dalam hal ini, jika rayuan difailkan oleh Peguam Syarie atau orang awam, mereka perlu mematuhi tatacara yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Kegagalan pihak-pihak dalam mematuhi sesuatu tatacara rayuan boleh menyebabkan sesuatu kes yang dirayu ditolak oleh mahkamah. Selain itu, jika perayu dalam kategori miskin, perayu perlu memohon kebenaran terlebih dahulu kepada mahkamah yang mendengar rayuan bahawa perayu merupakan seorang miskin (Mohd Nadzri, 2010). Sebelum Peguam Syarie perayu atau perayu hendak memfailkan notis rayuan di mahkamah yang mendengar rayuan, perayu atau Peguam Syarie perayu perlu terlebih dahulu membayar wang serah simpan jaminan di mahkamah yang menyebabkan keputusan dirayu sebagai jaminan kelancaran prosiding rayuan di mahkamah yang mendengar rayuan. Dalam pada itu, jumlah wang serah simpan jaminan dari Mahkamah Rendah Syariah ke Mahkamah Tinggi Syariah sebanyak RM500 dan dari Mahkamah Tinggi Syariah ke Mahkamah Rayuan Syariah sebanyak RM1000. Wang ini akan dipulangkan semula kepada perayu setelah kes di mahkamah yang mendengar rayuan selesai melalui perintah mahkamah (Arahan Amalan No 15 Tahun 2021).

Notis Rayuan

Perayu perlu memfailkan notis rayuan. Sesuatu tindakan rayuan di mahkamah syariah dimulai dengan perayu atau Peguam Syarie perayu memfailkan notis rayuan sebagaimana yang telah ditetapkan. Di peringkat pendaftaran, Pembantu Pendaftar Rayuan Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah perlu menyemak dan memastikan dua perkara yang terdapat di dalam notis rayuan perlu dipatuhi, pertama; memastikan notis rayuan menepati kehendak Borang MS 29, sekiranya tidak menepati kehendak sebagaimana Borang MS 29, Pembantu Pendaftar Rayuan perlu mengembalikan kepada perayu untuk dilengkapi (Arahan Amalan No 10 Tahun 2016). Hal ini selari dengan seksyen 139 (2) iaitu perayu atau Peguam Syarie perayu perlu memfailkan notis rayuan di mahkamah yang mendengar rayuan dengan menggunakan borang MS 29. Notis rayuan perlu mengandungi alamat penyampaian perayu yang lengkap yang boleh dihubungi, nama seperti dalam kad pengenalan atau seperti yang direkodkan sewaktu pendaftaran di mahkamah bicara (Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah), perintah bertulis bagi kes-kes yang memerlukan kebenaran merayu dan wakalah Peguam Syarie. Pembantu Pendaftar Rayuan Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah akan mengembalikan notis rayuan tersebut kepada Peguam Syarie perayu sekiranya perkara-perkara yang dinyatakan tersebut tidak dilengkapi dan diserahkan kembali kepada pendaftar setelah diperbetulkan (Mohd Nadzri, 2010). Kedua, notis rayuan yang hendak difailkan mestilah tidak melebihi tempoh empat belas (14) hari dari tarikh keputusan disampaikan kepada perayu (Arahan Amalan No 10 Tahun 2016). Hal ini sebagaimana Seksyen 139 (4) yang menyebut dalam memfailkan notis rayuan di



mahkamah, tempoh masa yang diberikan adalah dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh keputusan diputuskan. Notis rayuan dalam borang MS 29 perlu difailkan dalam masa tempoh empat belas hari dari hari keputusan diumumkan dan dilampirkan dengan salinan wakalah Peguam Syarie dalam prosiding asal bagi kes di mahkamah yang menyebabkan keputusan itu dirayu (Arahan Amalan No 13 Tahun 2021). Dalam kes lain, apabila keputusan mahkamah telah tamat tempoh dan melebihi tempoh empat belas hari dari tarikh keputusan, perayu atau Peguam Syarie perayu perlu memfailkan permohonan kebenaran merayu terlebih dahulu di mahkamah yang mendengar rayuan. Perayu di dalam notis rayuan hendaklah menyatakan sama ada ingin merayu terhadap keseluruhan atau sebahagian daripada keputusan dan menjelaskan bahagian mana yang hendak dirayu (Mohd Nadzri, 2010). Perkara ini diperuntukkan dalam seksyen 139 (3) yang menyebut bahawa perayu hendaklah menyatakan sama ada hendak merayu keseluruhan keputusan atau sebahagian sahaja dari keputusan.

Keperluan pemfailan notis rayuan di mahkamah yang berbidang kuasa mendengar rayuan merupakan langkah utama dalam proses rayuan di Mahkamah Syariah. Sekiranya perayu diwakili Peguam Syarie semasa prosiding asal bagi kes di mahkamah yang menyebabkan keputusan itu dirayu, wakalah Peguam Syarie tersebut disifatkan sebagai masih lagi berkuatkuasa setakat proses pemfailan dan penyerahan. Melainkan sekiranya perayu berhasrat melantik Peguam Syarie yang lain dan melepaskan Peguam Syarie terdahulu dalam prosiding asal bagi kes di mahkamah yang menyebabkan keputusan itu dirayu, maka notis rayuan perlu difailkan bersekali dengan wakalah Peguam Syarie yang baru dilantik beserta notis pelepasan Peguam Syarie yang sebelum ini (Arahan Amalan No 13 Tahun 2021). Setelah perayu atau Peguam Syarie perayu membuat pembayaran wang serah simpan jaminan rayuan di mahkamah yang menyebabkan keputusan tersebut dirayu mengikut jumlah yang ditetapkan, notis rayuan yang lengkap bolehlah difailkan di kaunter mahkamah yang mendengar rayuan (Muhammad Khairul Nizzam, 2022). Bilangan notis rayuan daripada keputusan Mahkamah Rendah Syariah hendaklah difailkan di Mahkamah Tinggi Syariah sebanyak lima salinan, manakala notis rayuan daripada keputusan Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah difailkan di Mahkamah Rayuan Syariah sebanyak tujuh salinan beserta dengan keputusan kebenaran merayu/lanjut tempoh sekiranya berkaitan (Arahan Amalan No. 10 2016). Setelah itu, Peguam Syarie perayu atau perayu perlu membuat pembayaran fi pendaftaran di kaunter kewangan mahkamah yang mendengar rayuan. Pembayaran pendaftaran pemfailan notis rayuan di mahkamah yang mendengar rayuan adalah berbeza antara satu sama lain, RM50 untuk pendaftaran notis rayuan di Mahkamah Tinggi Syariah manakala RM100 untuk pendaftaran notis rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah (No 16 & 18, Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Fi, Elaun & Kos) 2004). Walau bagaimanapun, Jabatan Bantuan Guaman Malaysia (JBG) atau panel-panel peguamnya yang mengendalikan kes bagi pihak Jabatan Bantuan Guaman adalah tidak dikenakan sebarang fi (Arahan Amalan No 5 2002). Berikut ialah borang MS 29 (Rajah 1) dan butirannya yang terlibat.



Rajah 1: Borang MS 29, Notis Rayuan (Enakmen 20, Jadual Ketiga)

BORANG MS 29

ENAKMEN TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH (NEGERI JOHOR) 2003
[Subseksyen 139 (2)]

NOTIS RAYUAN
(Tajuk Am)

Ambil perhatian bahawa plaintif (atau defendan) yang dinamakan di atas yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Syariah di yang diberikan pada haribulan 20..... merayu kepada MahkamahSyariah terhadap keseluruhan keputusan tersebut (atau apa-apa bahagian daripada keputusan tersebut) yang memutuskan bahawa,

(nyatakan butir-butir terperinci).

Bertarikh pada..... haribulan 20

.....

Perayu
(atau Peguam Syarie bagi

Perayu)
Kepada:
Pendaftar Mahkamah Syariah
dan kepada:

Rajah 1 di atas merupakan borang MS 29 atau dikenali sebagai notis rayuan. Notis ini perlu diserahkan kepada semua pihak yang terlibat dengan rayuan setelah notis rayuan selesai didaftarkan di mahkamah yang mendengar rayuan. Penyerahan tersebut boleh dilakukan oleh perayu sendiri atau oleh Peguam Syarie yang dilantik oleh perayu. Seksyen 139 (8) menyebut notis rayuan perlu diserahkan secara sendiri dan mahkamah hendaklah menerima affidavit penyampaian notis rayuan kepada responden daripada perayu. Dalam pada itu, notis rayuan yang telah difailkan oleh perayu perlu disampaikan kepada semua pihak yang terlibat dengan rayuan tersebut seperti Peguam Syarie yang mewakili responden atau sebagainya. Sekiranya Peguam Syarie yang mewakili responden di mahkamah yang menyebabkan keputusan itu dirayu telah menerima salinan notis rayuan dan tidak berhasrat untuk mewakili anak guamnya dalam kes rayuan tersebut, maka Peguam Syarie tersebut perlu memfailkan notis penarikan diri Peguam Syarie serta menyampaikan suatu salinan notis kepada pihak yang diwakilinya (Arahan Amalan No 13 Tahun 2021).

Hakim perlu menyediakan nota keterangan dan alasan penghakiman selepas menerima notis rayuan. Tindakan perayu yang pemfailan notis rayuan ini menandakan bermulanya tugasan hakim bicara untuk menyediakan nota keterangan dan alasan



penghakiman. Dalam masa yang sama, pendaftar perlu memaklumkan secara bertulis kepada hakim yang menyebabkan keputusan tersebut dirayu untuk menyediakan nota keterangan dan alasan penghakiman bersama satu salinan notis rayuan (Arahan Amalan No 10 Tahun 2016). Dalam undang-undang tatacara mal mahkamah syariah, tidak dinyatakan secara jelas mengenai tempoh masa untuk mengemukakan nota perbicaraan dan alasan penghakiman setelah notis rayuan difailkan (Mohd Nadzri, 2021). Tempoh masa untuk hakim bicara menyediakan atau mengemukakan nota keterangan dan alasan penghakiman adalah tidak lewat daripada lapan minggu bagi membolehkan perayu menyediakan alasan rayuan untuk disertakan dalam rekod rayuan (Arahan Amalan No 6, 2017). Peruntukan di bawah Seksyen 139(6) menjelaskan bahawa penyediaan nota keterangan dan alasan penghakiman oleh hakim bicara merupakan prasyarat penting bagi membolehkan sesuatu rayuan diteruskan di peringkat mahkamah yang lebih tinggi. Penolong Pendaftar dengan seberapa segera memaklumkan kepada perayu atau Peguam Syarie perayu melalui Borang MS 30 bahawa salinan nota keterangan dan alasan penghakiman telah siap (Arahan Amalan No 10 Tahun 2016). Dalam keadaan perayu tidak diwakili oleh Peguam Syarie, pembayaran deposit rayuan kepada Pendaftar merupakan suatu keperluan yang perlu dipenuhi sebelum penyerahan nota keterangan dan alasan penghakiman, iaitu sebanyak RM500 bagi rayuan dari Mahkamah Rendah Syariah ke Mahkamah Tinggi Syariah dan RM1,000 bagi rayuan dari Mahkamah Tinggi Syariah ke Mahkamah Rayuan Syariah (Arahan Amalan No 15 Tahun 2021). Berikut ialah Borang MS 30 (Rajah 2) dan butirannya yang terlibat.

Rajah 2: Borang MS 30, Notis Bahawa Salinan Diperakui Bagi Nota Keterangan Dan Penghakiman Sudah Siap (Enakmen 20, Jadual Ketiga)

BORANG MS 30
ENAKMEN TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH (NEGERI JOHOR) 2003 [Subseksyen 139 (6)]
NOTIS BAHAWA SALINAN DIPERAKUI BAGI NOTA KETERANGAN DAN PENGHAKIMAN SUDAH SIAP
(Tajuk Am)
Ambil perhatian bahawa salinan diperakui bagi nota keterangan dan penghakiman sudah siap dan bahawa sejumlah wang sebanyak RM kena anda bayar sebagai kos menyediakan salinan-salinan diperakui itu.
Kepada:
Bertarikh pada..... haribulan 20
..... Hakim/Pendaftar



Rajah 2 di atas merupakan borang MS 30 atau dikenali sebagai Notis Bahawa Salinan Diperakui Bagi Nota Keterangan Dan Penghakiman Telah Siap. Notis ini perlu diserahkan kepada perayu atau Peguam Syarie perayu oleh mahkamah setelah nota keterangan dan alasan penghakiman telah selesai. Perayu atau Peguam Syarie perayu perlu mengambil notis tersebut di mahkamah dan dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan, perayu hendaklah membayar kos penyediaan salinan nota keterangan dan alasan penghakiman sebanyak RM1.00 untuk setiap helai setelah Pendaftar atau Penolong Pendaftar membuat pentafsiran dan wang tersebut perlu bayar di kaunter kewangan mahkamah yang menyebabkan keputusan tersebut dirayu (No 23, Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Fi, Elaun & Kos) 2004).

Notis rayuan balas

Respondan boleh memfailkan notis rayuan balas. Seksyen 141 menyebut apabila notis rayuan telah disampaikan kepada responden dan dalam masa tempoh tujuh hari dari tarikh penyampaian notis rayuan itu kepada beliau, responden boleh memfailkan di mahkamah yang mendengar rayuan satu notis rayuan balas sebagaimana dalam borang MS 31 untuk mencadangkan dan memberikan hujah bahawa keputusan yang dirayukan itu patut diubah. Berikut ialah Borang MS 31 (Rajah 3) dan butirannya yang terlibat.

Rajah 3: Borang MS 31, Notis Rayuan Balas (Enakmen 20, Jadual Ketiga)

BORANG MS 31				
ENAKMEN TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH (NEGERI JOHOR) 2003 [Subseksyen 139 (6)]				
NOTIS RAYUAN BALAS (Tajuk Am)				
Ambil perhatian bahawa, pada pendengaran rayuan di atas, responden yang dinamakan di atas akan menghujahkan bahawa keputusan Mahkamah Syariah yang diberikan pada haribulan 20 patut diubah atas alasan-alasan yang berikut:				
(Nyatakan dalam perenggan bernombor)				
(a) jenis	relief	yang	dituntut;	dan/atau
(b) alasan-alasan		yang	menjadi	sandaran).
Bertarikh	pada.....	haribulan	19
Kepada Pendaftar dan perayu.				
			 Responden (atau Peguam Syarie bagi
Responden)				



Rajah 3 di atas merupakan borang MS 31 atau dikenali sebagai Notis Rayuan Balas. Notis ini perlu difailkan di mahkamah yang mendengar rayuan sekiranya responden tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah. Responden perlu dengan membayar fi pemfailan sebanyak RM50 untuk rayuan balas di Mahkamah Tinggi Syariah manakala sebanyak RM100 untuk rayuan balas di Mahkamah Rayuan Syariah (No 16 & 18, Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Fi, Elaun & Kos) 2004). Pembayaran tersebut perlu dibuat di kaunter kewangan mahkamah yang mendengar rayuan. Situasi pemfailan notis rayuan boleh berlaku apabila pihak-pihak telah menerima keputusan dari Mahkamah Rendah Syariah dalam kes tuntutan nafkah iddah berjumlah RM2000 untuk satu kali suci (RM2000 x 3 kali suci berjumlah RM6000). Pihak isteri tidak berpuas hati dengan jumlah yang diputuskan oleh mahkamah dan dalam masa tempoh empat belas hari telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi Syariah. Kemudian notis rayuan dapat disampaikan secara sendiri kepada bekas suami yang dinamakan sebagai responden dalam ke rayuan tersebut. Apabila responden menerima notis rayuan, beliau juga tidak berpuas hati dengan kadar nafkah iddah yang diputuskan oleh hakim bicara. Dalam hal ini, responden dalam masa tempoh tujuh hari dari tarikh penerimaan notis rayuan perlu memfailkan notis rayuan balas di Mahkamah Tinggi Syariah dengan tujuan untuk mengemukakan hujjah pada hari pendengaran rayuan bahawa keputusan yang dirayu itu patut diubah.

Alasan Rayuan

Alasan rayuan boleh difailkan ke mahkamah yang mendengar rayuan dengan menyatakan fakta secara ringkas isi keputusan yang dirayu itu. Seksyen 141 (1) menyebut apabila perayu atau Peguam Syarie perayu menerima nota keterangan dan alasan penghakiman melalui Borang MS 30, dalam masa tempoh empat belas hari dari tarikh penerimaan Borang MS 30, perayu atau Peguam Syarie perayu perlu memfailkan lima salinan alasan rayuan di Mahkamah Tinggi Syariah atau tujuh salinan alasan rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah. Dalam pada itu, seksyen 141 (2) menjelaskan bahawa alasan rayuan perlu mengandungi butir-butir yang jelas tentang undang-undang atau fakta-fakta yang mengenai rayuan itu dibuat. Ketelitian dalam merangka alasan-alasan rayuan adalah amat penting kerana perayu tidak boleh, semasa prosiding rayuan, bersandarkan kepada alasan lain selain yang telah dinyatakan, melainkan dengan kebenaran mahkamah yang mendengar rayuan tersebut. Ini bermakna perayu adalah terikat kepada apa yang disebutkan dalam alasan rayuannya itu. Perayu atau Peguam Syarie perayu tidak boleh membangkitkan isu-isu lain kecuali dapat keizinan daripada mahkamah mendengar rayuan (Mohd Nadzri, 2010). Dalam pada itu, tiada borang khusus berkaitan alasan rayuan tetapi perayu atau Peguam Syarie perayu boleh menggunakan format Borang MS 29 sebagai contoh untuk membuat alasan rayuan dengan beberapa pindaan (Muhammad Khairul Nizam, 2022). Oleh itu, dirumuskan bahawa alasan rayuan boleh dibuat selepas pihak perayu menerima nota keterangan dan alasan penghakiman daripada mahkamah. Perayu berhak menyatakan alasan-alasan munasabah atau yang berkaitan mengenai undang-undang mahupun hukum syarak dalam alasan rayuan bersandarkan kepada nota keterangan dan alasan penghakiman bahawa keputusan itu terkhilaf dan tidak sepatutnya diberikan kepada pihak perayu. Setelah mahkamah



menerima alasan rayuan daripada perayu, mahkamah perlu memaklumkan kepada perayu atau Peguam Syarie perayu untuk menyediakan rekod rayuan (Arahan Amalan No 10 Tahun 2016).

Rekod Rayuan

Rekod rayuan merupakan pengumpulan dokumen-dokumen rayuan. Seksyen 142 (1) menjelaskan bahawa sekiranya perayu diwakili oleh Peguam Syarie dan telah mematuhi semua prosiding rayuan sebelum ini, Peguam Syarie perayu perlu menyediakan salinan rekod rayuan. Di samping itu, seksyen 143 (1) menyebut apabila perayu tidak diwakili oleh Peguam Syarie atau perayu telah dibenarkan oleh mahkamah yang mendengar rayuan untuk merayu sebagai orang miskin maka mahkamah yang menyebabkan keputusan itu dirayu perlu menyediakan salinan rekod rayuan. Rekod rayuan tersebut hendaklah mengandungi salinan-salinan sebagaimana Seksyen 142 (1) dan Arahan Amalan No 15 Tahun 2004 sebagaimana berikut:

Jadual 2: Senarai salinan di dalam rekod rayuan

Bil	Salinan Dokumen Rayuan
1.	Pliding
2.	Nota Keterangan
3.	Alasan Peghakiman
4.	Notis Rayuan
5.	Notis Rayuan Balas (jika ada)
6.	Alasan Rayuan
7.	Alasan Rayuan Balas (jika ada)
8.	Semua Ekshibit Dokumentar (jika ada)
9.	Senarai Ekshibit Bukan Dokumenter yang diserahkan di Mahkamah
10.	Affidavit Penyampaian Notis Rayuan/Notis Rayuan Balas
11.	Affidavit Penyampaian Borang MS30

Jadual 2 di atas menunjukkan senarai salinan yang perlu ada dalam rekod rayuan. Rekod rayuan ini perlu disediakan sendiri oleh Peguam Syarie perayu sekiranya perayu diwakili oleh Peguam Syarie. Sekiranya perayu tidak diwakili oleh Peguam Syarie, tugas ini menjadi tanggungjawab mahkamah yang menyebabkan keputusan itu dirayu (Mohd Nadzri, 2010). Seksyen 142 (2) menyebut dua salinan rekod rayuan itu perlu difailkan di mahkamah yang mendengar rayuan itu dalam masa enam minggu. Perayu atau Peguam Syarie perayu perlu memfailkan rekod rayuan di mahkamah yang mendengar rayuan dalam tempoh masa enam minggu selepas penerimaan Borang MS 30 (Mohd Nadzri 2010). Dalam pada itu, terdapat penambahan salinan rekod rayuan mengikut hirarki mahkamah, bagi rayuan ke Mahkamah Tinggi Syariah sekurang-kurangnya perayu menyediakan lima salinan rekod rayuan dan rayuan ke Mahkamah Rayuan Syariah, perayu perlu menyediakan tujuh salinan rekod rayuan (Arahan Amalan no 10 Tahun 2016). Rekod rayuan perlu disiapkan dalam salinan yang mencukupi seperti yang diarahkan oleh mahkamah dan setiap rekod rayuan perlu diberi nombor muka surat secara berurutan. Bagi memudahkan pendengaran proses rayuan, kod warna bagi rekod rayuan mahkamah syariah seluruh Malaysia telah



dibentuk dengan menentukan kod-kod warna bagi kertas pemisah rekod rayuan di Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah. Penggunaan kod warna ini dapat memudahkan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Hakim Mahkamah Rayuan Syariah membuat semakan dokumen semasa prosiding (Mohd Nadzri, 2020). Kod warna bagi rekod rayuan mahkamah syariah seluruh Malaysia adalah lebih merujuk kepada panduan kertas warna tertentu bagi membezakan antara dokumen-dokumen yang terdapat di dalam rekod rayuan di peringkat Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah (Arahan Amalan No 4 Tahun 2015) sebagaimana berikut:

Jadual 3: Kod Warna Kertas Pemisah bagi Rekod Rayuan Mahkamah Rayuan Syariah

Bil	Dokumen	Warna
1.	Rekod Rayuan (Mal)	Merah
2.	Rekod Rayuan (Jenayah)	Merah Jambu
3.	Hujah/Jawapan Kepada Hujah Balas/Ikatan Autoriti Perayu/Pemohon (Mal, Jenayah dan Faraid)	Biru
4.	Hujah/Ikatan Autoriti Responden (Mal, Jenayah dan Faraid)	Oren
5.	Hujah/Ikatan Autoriti Pencelah	Ungu

Jadual 4: Kod Warna Kertas Pemisah bagi Rekod Rayuan Mahkamah Tinggi Syariah

Bil	Dokumen	Warna
1.	Rekod Rayuan (Mal)	Hijau
2.	Rekod Rayuan (Jenayah)	Kuning
3.	Hujah/Jawapan Kepada Hujah Balas/Ikatan Autoriti Perayu/Pemohon (Mal, Jenayah dan Faraid)	Biru
4.	Hujah/Ikatan Autoriti Responden (Mal, Jenayah dan Faraid)	Oren
5.	Hujah/Ikatan Autoriti Pencelah	Ungu

Jadual 3 di atas menunjukkan kod warna kertas pemisah bagi rekod rayuan Mahkamah Rayuan Syariah dan jadual 4 menunjukkan kod warna kertas pemisah bagi rekod rayuan Mahkamah Tinggi Syariah. Dalam konteks ini, sebelum Peguam Syarie perayu menyerahkan rekod rayuan yang telah siap kepada mahkamah yang mendengar rayuan. Peguam Syarie perayu hendaklah terlebih dahulu menyediakan indeks, ikatan autoriti dan menyediakan penandaan di setiap ikatan autoriti perayu di bahagian tepi bagi memudahkan rujukan dalam perbicaraan dan pengurusan kes rayuan (Arahan Amalan No 7 Tahun 2012). Bagi perayu yang tidak mempunyai Peguam Syarie, mahkamah akan menyediakan salinan rekod rayuan yang mencukupi dan akan memaklumkan kepada perayu melalui Borang MS32 bahawa rekod rayuan telah siap (Mohd Nadzri 2020). Berikut ialah Borang MS 32 (Rajah 4) dan butirannya yang terlibat.



Rajah 4: Borang MS 32, Notis Bahawa Rekod Rayuan Sudah Siap
(Enakmen 20, Jadual Ketiga)

BORANG MS 32

ENAKMEN TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH 2003
[Subseksyen 143 (2)]

NOTIS BAHAWA REKOD RAYUAN SUDAH SIAP
(Tajuk Am)

Ambil perhatian bahawa rekod rayuan prosiding yang disebut di atas sudah siap dan bahawa sejumlah wang sebanyak RM kena anda bayar sebagai kos menyediakan rekod itu.

Kepada:

Bertarikh pada..... haribulan 20

.....
Hakim/Pendaftar

Rajah 4 di atas menunjukkan borang MS 32 atau dikenali sebagai notis bahawa rekod rayuan sudah siap. Notis ini perlu diserahkan kepada perayu yang tidak diwakili oleh Peguam Syarie. Mahkamah akan menghubungi perayu memaklumkan bahawa rekod rayuan telah siap berserta jumlah fi yang dikenakan kecuali perayu dibenarkan oleh mahkamah untuk mendakwa dirinya merupakan orang miskin (Mohd Nadzri, 2020). Fi penyediaan salinan rekod rayuan hanya dikenakan untuk salinan perayu dan responden, manakala fi penyediaan empat salinan rekod rayuan untuk salinan mahkamah yang mendengar rayuan tidak dikenakan sebarang fi ke atas perayu. Kadar fi yang dikenakan adalah tertakluk kepada buku Kaedah-Kaedah Fi dan Kos Mahkamah Syariah Negeri masing-masing yang ditentukan oleh Pendaftar atau Ketua Pendaftar. Afidavit penyampaian akan disediakan dan menjadi sebagian rekod prosiding kes. Perayu yang tidak diwakili peguam ini perlu menyerahkan sesalinan rekod rayuan kepada responden. Pembantu pendaftar rayuan perlu menetapkan tarikh pengurusan kes di hadapan Pendaftar atau Ketua Pendaftar setelah rekod rayuan diterima oleh perayu atau Peguam Syarie perayu dan memaklumkan tarikh pengurusan kes rayuan kepada pihak-pihak. Pengurusan kes rayuan hendaklah ditetapkan dalam tempoh 21 hari selepas rekod rayuan yang lengkap diterima oleh mahkamah (Mohd Nadzri, 2010).

Pengurusan Kes Rayuan

Pengurusan kes rayuan bertujuan untuk memastikan semua dokumen lengkap dan mematuhi undang-undang. Pengurusan kes rayuan boleh dibuat di hadapan Pendaftar atau Ketua Pendaftar sebelum kes tersebut bawa di hadapan hakim bicara. Pada peringkat ini, Pendaftar atau Ketua Pendaftar akan mengarahkan Peguam Syarie perayu memfailkan kronologi kes dan ringkasan penghujahan pihak-pihak secara



bertulis tidak lewat dari 14 hari sebelum tarikh pengurusan kes rayuan. Kronologi dan penghujahan ringkas tersebut perlu difaillkan kepada Pendaftar, Mahkamah Tinggi Syariah atau Ketua Pendaftar, Mahkamah Rayuan Syariah (Mohd Nadzri, 2010). Pada hari pendengaran pengurusan kes, Pendaftar atau Ketua Pendaftar akan memastikan kandungan rekod rayuan mengikut format yang ditetapkan, menerima pengesahan responden terhadap dokumen-dokumen dalam rekod rayuan, mengarahkan pihak-pihak membuat pembetulan sekiranya perlu dan memastikan penghujahan pihak-pihak dan kronologi kes ada. Mahkamah akan mengeluarkan notis bicara di hadapan hakim mahkamah yang mendengar rayuan kepada pihak-pihak untuk tarikh pendengaran rayuan dalam masa 30 hari (Arahan Amalan No 10 Tahun 2016).

Pelantikan Hakim Mendengar Rayuan

Pendengaran bagi kes rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah didengar oleh Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri-Negeri manakala bagi Mahkamah Tinggi Syariah didengar oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah. Ketua Pendaftar atau Pendaftar bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua pliding dan apa-apa yang berkaitan dengan prosiding rayuan adalah sempurna dan teratur sebelum fail tersebut dipanjangkan kepada hakim yang mendengar rayuan. Seksyen 69(1) menyebut rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah akan didengar oleh seorang pengerusi dan dua orang yang akan dipilih oleh Ketua Hakim Syarie daripada kalangan panel tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah. Bagi Mahkamah Tinggi Syariah pula, seksyen 61(1) menyebut Hakim Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidang kausa mendengar di seluruh negeri termasuk kes rayuan.

Pendengaran dan Keputusan Kes Rayuan

Keputusan kes rayuan akan dilaksanakan setelah hakim yang mendengar rayuan meneliti semua pliding yang dilampirkan. Pada tarikh pendengaran rayuan di mahkamah, pihak-pihak diberi peluang untuk menyatakan hujah, hujahan boleh diikuti mengikut tiga peringkat tatacara pendengaran rayuan iaitu, mendengar hujah perayu, mendengar hujah balas responden dan mendengar hujah balas perayu. Selepas mahkamah mendengar semua hujah yang dikemukakan oleh perayu dan responden, mahkamah yang mendengar rayuan boleh memberikan keputusan pada hari yang sama atau mahkamah boleh menangguhkan pada satu tarikh lain untuk memberikan keputusan (Mohd Nadzri, 2010). Seksyen 146 menyebut apabila mahkamah yang mendengar rayuan telah mengeluarkan keputusan. Mahkamah tersebut perlu mengemukakan keputusan rayuan kepada hakim bicara mahkamah yang menyebabkan keputusan itu dirayu. Mahkamah yang menyebabkan keputusan itu dirayu perlu melaksanakan keputusan itu sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang. Di samping itu, seksyen 145 menjelaskan bahawa mahkamah yang mendengar rayuan perlu menyediakan alasan penghakiman secara bertulis. Ketua Pendaftar atau Pendaftar mahkamah yang mendengar rayuan bertanggungjawab untuk memaklumkan secara bertulis mana-mana keputusan kes rayuan itu kepada mahkamah yang menyebabkan keputusan itu dirayu dalam masa tujuh hari dari tarikh keputusan dikeluarkan (Arahan Amalan No 6 Tahun 2018).



Dalam kes lain, sekiranya perayu tidak mengikuti mana-mana aturan dalam kes rayuan yang telah ditetapkan. Mahkamah Rayuan Syariah atau Mahkamah Tinggi Syariah boleh membatalkan notis rayuan ketika alasan rayuan atau rekod rayuan tidak difailkan di mahkamah berkenaan sebagaimana tempoh yang telah ditetapkan di dalam undang-undang, tetapi ianya tidak boleh disifatkan menyekat kuasa untuk melanjutkan masa yang diberikan kepada mahkamah yang mendengar rayuan (Arahan Amalan No 5 Tahun 2018). Sebarang penambahan fakta baharu semasa prosiding rayuan di mahkamah yang mendengar rayuan adalah tidak dibenarkan (Arahan Amalan No 8 Tahun 2004). Isu-isu seperti ini sering mengganggu prosiding rayuan dan prosiding menjadi berlanjutan sedangkan tidak disentuh semasa peringkat perbicaraan di Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah mahu pun dalam mana-mana pliding termasuklah alasan rayuan (Mohd Nadzri, 2020). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa mahkamah yang mendengar rayuan itu akan membaca alasan penghakiman dan memberikan keputusan sama ada keputusan tersebut mengekalkan penghakiman asal atau mengubah keputusan asal atau memerintahkan perbicaraan semula atau sebagainya.

KESIMPULAN

Secara umumnya, undang-undang mengenai tatacara Islam di Malaysia dengan jelas telah memperuntukkan mengenai rayuan dalam Akta/Enakmen Tatacara Mal setiap negeri masing-masing, iaitu melalui seksyen 139 hingga seksyen 146. Peruntukan undang-undang ini telah memberi panduan berkenaan prosedur yang sepatutnya dalam membuat rayuan. Pelaksanaannya sesuai dilaksanakan terhadap pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dikeluarkan oleh mahkamah rendah. Mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah boleh membuat rayuan dengan memfailkan notis rayuan di mahkamah yang mendengar rayuan. Mahkamah melalui Ketua Pendaftar atau Pendaftar diberi tanggungjawab untuk menguruskan proses rayuan dengan meneliti semua dokumen rayuan sebelum diserahkan kepada hakim bicara. Mahkamah yang mendengar rayuan akan meneliti dan mendengar kedua-dua belah pihak dalam memberikan hujjah serta memberikan keputusan rayuan. Kajian ini menyumbang kepada penemuan proses pelaksanaan rayuan berdasarkan kepada undang-undang sedia ada.

RUJUKAN

Abdul Hamid Mohamad (2017). Nota Perbicaraan dan Ulang Bicara dlm. *Buat Kerja: Tun Abdul Hamid Mohamad*, Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Ahmad Ibrahim. (1997). *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*, (Cetakan Pertama). Kuala Lumpur: IKIM.

Arahan Amalan Mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.



- Azmee Haji Hussin, Wan Abdul Fattah Wan Ismail. (2013). Pengesahan Lafaz Talaq Tiga: Sorotan Melalui Penghakiman Kes di Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jilid 37. *Jurnal Hukum*
- Busro Bahari. (1999). *Mahkamah Rayuan Syariah di Malaysia: Konsep dan pelaksanaannya: Satu Kajian di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan*. Tesis Sarjana Muda. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- Enakmen No. 20, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003.
- Intan Juliana Razali. (1999). *Prosedur Rayuan Mal di Mahkamah Syariah Terengganu*. Tesis Sarjana Muda. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- Kaedah 63, Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Fi, Elaun Dan Kos) 2004
- Mohd Nadzri Abdul Rahman. (2010). *Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah, Prinsip & Amalan*, Cetakan Pertama. Nilai: Karya Kreatif Resources.
- Mohd Nadzri Abdul Rahman. (2020). *Pemakaian Arahan Amalan di Mahkamah Syariah*. Cetakan Pertama. Kajang: Anaasa Publication
- Muhammad Khairul Nizzam Kassim. (2022). *Pentadbiran & Pengurusan Kes Rayuan & Semakan Di Mahkamah Syariah*. Cetakan Pertama. Kajang: Anaasa Publication
- Siti Zubaidah Ismail. (2016). *Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Syahrulnizam Saat, Ibrahim Mazlan & Nasrul Hisham Nor Muhamad (2021). Permohonan Melanjutkan Tempoh Rayuan: Analisis Kes di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru daripada tahun 2012 hingga tahun 2021. Vol 10. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*.
- Wan Azlan Ahmad & Nik Ahmad Kamal Nik Mahmud (2006). *Administrative Law in Malaysia*. Petaling Jaya: Sweet & Maxwell Asia.